

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 DISEMBER 2022
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 32

Citaglobal dianugerah IPP bagi ECRL

Citaglobal dianugerah IPP bagi ECRL


PETALING JAYA – Citaglobal Berhad (Citaglobal) melalui konsortiumnya, Reneuco Berhad (Reneuco) secara bersama telah dianugerahkan surat hasrat menjadi Pengeluar Tenaga Bebas (IPP) bagi projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) (Projek IPP ECRL).

Pengerusi Eksekutif dan Presiden Citaglobal, Tan Sri Mohamad Norza Zakaria berkata, penganugerahan surat tersebut adalah susulan permintaan daripada Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL) untuk membangunkan projek pengeluar tenaga bebas dan boleh diperbaharui bagi projek ECRL.

ia bakal dilaksanakan melalui perjanjian kontrak rasmi yang akan dimeterai antara ahli konsortium, Citaglobal dan Reneuco dengan MRL dalam masa terdekat.

"Kami bersyukur dan berbesar hati untuk memperoleh kontrak kebangsaan ini melalui pelaksanaan bidaan yang kompetitif.

"Citaglobal pasti akan menjalankan perannya dalam melaksanakan dan merealisasikan



PROJEK pembangunan ECRL kini mengikut jadual yang ditetapkan. – GAMBAR HIASAN

Projek IPP ECRL bersama rakan kongsi kami iaitu Reneuco.

"Memenangi kontrak ini akan

membolehkan Citaglobal memenuhi misi dan fokus syarikat untuk menjadi pemain utama

dalam segmen tenaga boleh diperbaharui.

"Pada masa yang sama, ia juga



MOHAMAD NORZA ZAKARIA

akan membina asas pendapatan berulang untuk syarikat bergerak ke hadapan," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini kelmarin.

Projek ECRL adalah rangkaian kereta api sepanjang 640 kilometer yang menghubungkan bahagian berlainan di wilayah Pantai Timur dengan wilayah Pantai Barat di Malaysia.

MRL dibangunkan untuk menadbir pelaksanaan Laluan Rel Pantai Timur tersebut.